

Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

﴿أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾^(١١) الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿١٢﴾

(Surah al-Taubah: 19-20)

Ayat di atas menerangkan konsep memahami keutamaan dalam tindakan.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud *Fiqh al-Aulawiyat*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip am pelaksanaan *Fiqh al-Aulawiyat* dalam bidang amalan. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan *Fiqh al-Aulawiyat* terhadap masyarakat. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan kelebihan berdikari dalam Islam.
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** konsep berdikari. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

(c) Nyatakan **hukum** dan **cara bacaan** bagi tempat yang bergaris.

وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ

[2 markah]

2. (a) Al-Syahid adalah salah satu daripada al-Asma al-Husna.

(i) Apakah maksud al-Syahid?


[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid.

[4 markah]

(iii)

Aplikasi Media Sosial



Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah anda menghayati sifat al-Syahid Allah SWT ketika menggunakan aplikasi tersebut.

Huraikan pandangan anda.

[4 markah]

(b) Iman seorang muslim boleh terbatal melalui perkataan.

(i) Nyatakan **dua** contoh perkataan yang boleh membatalkan iman.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat terbatal iman.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** cara anda menjauhi perkara yang membatalkan iman.

[4 markah]

3 (a) Ibadah haji telah disyariatkan kepada umat Islam pada tahun kelima hijrah.

(i) Nyatakan maksud tawaf.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **empat** perkara wajib haji selain berniat ihram di miqat.

[4 markah]

(iii) Terangkan hikmah menunaikan haji dan umrah dari aspek rohani.

[2 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud idah.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hukum talak selain harus.

[4 markah]

(iii) Terangkan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c)



Sumber:

Keratan Akhbar Kosmo, 20 Mei 2016

Berdasarkan petikan akhbar di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut terus meningkat dalam masyarakat.

Huraikan pandangan anda.

[4 markah]

4. (a) Kegemilangan kerajaan Uthmaniah adalah daripada ketokohan pemerintahnya yang hebat.

(i) Senaraikan **dua** nama sultan terkenal zaman kerajaan Uthmaniah. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. ^{teknologi} _{human} [4 markah]

(iii) Huraikan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah. [4 markah]

(b) Imam al-Syafi'i adalah antara tokoh empat mazhab terulung.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam al-Syafi'i. [3 markah]

(ii) Senaraikan **tiga** sumbangan Imam al-Syafi'i dalam tamadun Islam. [3 markah]

(iii) Imam al-Syafi'i sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mencontohi Imam al-Syafi'i dalam kesungguhan menimba ilmu? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 5 (a) Mengamalkan sifat tawaduk akan mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT.
- (i) Apakah maksud tawaduk? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam pergaulan. [2 markah]
 - (iii) Huraikan **dua** hikmah tawaduk dalam kehidupan. [4 markah]
- (b) Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan golongan yang wajib disantuni sebagaimana menyantuni orang biasa.
- (i) Apakah maksud orang kurang upaya? [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** kemudahan awam khusus kepada golongan orang kurang upaya. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** adab terhadap orang kurang upaya. [4 markah]
- (c)

Sifat wasatiyyah perlu ada pada diri setiap muslim untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.
- Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT